



**KEMENTERIAN
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)**

**TEKS UCAPAN
PENGGULUNGAN PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2026**

**DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	3
ISU PERTAMA – BANJIR DAN SALIRAN	8
ISU KEDUA - BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN	14
ISU KETIGA - BEKALAN ELEKTRIK	16
ISU KEEMPAT - TENAGA LESTARI	22
ISU KELIMA - JABATAN PERDANA MENTERI	25
PENUTUP	30
MAKLUMAT TAMBAHAN	31

PENDAHULUAN

1. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 Peringkat Dasar dalam sesi sidang Parlimen Dewan Rakyat pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen PETRA terhadap Belanjawan 2026

2. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menyambut baik Belanjawan 2026 yang menekankan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kemampanan sumber tenaga serta air demi kesejahteraan rakyat.

3. Fokus ini sejajar dengan misi PETRA untuk memastikan akses tenaga dan air yang bersih, selamat serta mampu milik bagi semua rakyat Malaysia, di samping memelihara sumber semula jadi dan alam sekitar.

4. Belanjawan 2026 memperuntukkan RM5.19 bilion bagi sektor tenaga dan air, merangkumi RM392.74 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM4.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. **Bagi perbelanjaan pembangunan, ia merangkumi 544 projek iaitu sebanyak 417 projek sambungan dan 127 projek baharu.**

5. Justeru, ini menggambarkan komitmen berterusan kerajaan dalam membina daya tahan ekonomi serta kesejahteraan rakyat jangka panjang.

Antara Inisiatif Utama Sektor Tenaga dan Air

6. PETRA turut memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek secara menyeluruh merangkumi aspek pengurusan sumber air, pengurusan sungai, pantai dan mitigasi banjir melalui 95 projek baharu bernilai RM5.37 bilion serta 240 projek sambungan dengan kos keseluruhan RM30.37 billion bagi meningkatkan kecekapan sistem sumber air dan ketahanan infrastruktur negara.

7. Dalam usaha mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih (Net Zero Carbon) menjelang 2050, Kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan akan melaksanakan pelbagai program strategik termasuk:

- i. Program Bijak Tenaga MADANI (NEEAP 2.0): Pelaksanaan menyeluruh kecekapan tenaga di sektor domestik, industri dan komersial, selaras dengan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 berjumlah RM20 juta.
- ii. Program Pembangunan Tenaga Nuklear (MyPOWER): Kesiapsiagaan infrastruktur dan tadbir urus tenaga nuklear mengikut piawaian *International Atomic Energy Agency* (IAEA) berjumlah **RM181 juta sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-13**
- iii. Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Sabah dan Labuan: Termasuk subsidi tarif, subsidi bahan api, subsidi solar, projek-projek sambungan dan projek-projek baharu secara pinjaman yang merangkumi projek Southern Link (TPSL) dan lain-lain berjumlah RM1.9 bilion bagi memperkukuhkan pembekalan elektrik di negeri Sabah.
- iv. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) menetapkan sasaran 70 peratus kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) menjelang 2050. NETR ini terus dipacu pemain

industri dengan sokongan Dana Peralihan Tenaga Negara sebanyak RM150 juta; dan

- v. Projek penjanaan solar berskala besar dilaksanakan dengan kapasiti hampir 2 gigawatt di bawah program LSS 6 melibatkan anggaran pelaburan swasta sebanyak RM6 bilion.

Fokus Sabah dan Sarawak

8. Kerajaan MADANI memberi penekanan besar terhadap pembangunan Sabah dan Sarawak melalui pelaburan strategik dalam tenaga, air, jalan raya, dan digitalisasi selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Sabah menerima RM6.9 bilion manakala Sarawak menerima RM6 bilion, kedua-dua peruntukan adalah yang tertinggi dalam sejarah. Pemberian Khas bagi Sabah dan Sarawak telah ditingkatkan melalui peruntukan kali ini iaitu dengan jumlah RM600 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai **38 orang** Ahli Yang Berhormat telah membahaskan lebih kurang **43 isu** berkaitan dengan PETRA dan Jabatan Perdana Menteri di

bawah portfolio saya selaku Timbalan Perdana Menteri melibatkan isu utama seperti berikut:

- i. Banjir dan Saliran;
- ii. Bekalan Air dan Pembetungan;
- iii. Bekalan Elektrik;
- iv. Tenaga Lestari; dan
- v. Hal Ehwal Sabah dan Sarawak.

10. Saya akan menjawab secara dasar bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi isu yang spesifik, PETRA akan memberikan jawapan secara bertulis atau boleh dibangkitkan sewaktu perbincangan peringkat Jawatankuasa nanti.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH AHLI YANG BERHORMAT

11. Mengambil kira jumlah isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat serta kekangan masa yang ada, saya memohon pertimbangan dan ruang daripada Dewan yang mulia ini agar saya dapat menumpukan perhatian kepada isu-isu utama yang timbul sepanjang perbincangan ini.

ISU PERTAMA – BANJIR DAN SALIRAN

Tuan Yang di-Pertua,

12. Seramai 24 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh isu berkaitan banjir, sistem saliran, pengurusan sungai dan pengawalan hakisan pantai di bawah tanggungjawab Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kementerian amat menghargai pandangan serta cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha memperkukuh daya tahan Negara terhadap risiko dan impak bencana iklim secara menyeluruh.

13. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai strategi utama bagi meningkatkan keberkesanan sistem saliran dan infrastruktur pengairan, PETRA melalui JPS melaksanakan pendekatan struktur dan bukan struktur di seluruh negara. Pendekatan ini menumpu kepada pembinaan fizikal, memperkukuh aspek tadbir urus, perancangan guna tanah, dan pemerkasaan komuniti setempat.

Pendekatan Struktur – Jangka Panjang

14. Sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian melaksanakan projek yang meliputi Rancangan Tebatan Banjir (RTB), pengurusan sungai dan saliran mesra alam, pengawalan hakisan pantai, serta pemuliharaan muara sungai. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan infrastruktur tebatan banjir dibangunkan secara lestari dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

15. Kementerian mengambil perhatian terhadap isu status pelaksanaan projek RTB dan Saliran Bandar yang dibangkitkan oleh 19 Ahli Yang Berhormat termasuk YB Tumpat, YB Pasir Puteh, YB Kuala Terengganu, YB Hulu Terengganu, YB Rantau Panjang, YB Kuala Krai, YB Pokok Sena, YB Kuala Kangsar, YB Beaufort, YB Kapar, YB Tanjung Piai, YB Setiu, YB Pulai, YB Pasir Salak, YB Jelutong, YB Port Dickson, YB Alor Setar, YB Bukit Gantang dan YB Jasin.

16. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2026**, sejumlah **141 projek** telah diluluskan untuk pelaksanaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, **20 projek merupakan projek baharu**, manakala **121 projek adalah sambungan** dengan anggaran **kos keseluruhan RM24.7 billion**. Kesemua projek ini

dirancang dengan mengambil kira keutamaan kawasan berisiko tinggi, impak sosioekonomi, serta kesinambungan program RTB di bawah RMKe-12.

Projek Pengawalan Hakisan Pantai dan Muara Sungai

17. Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh YB Kuala Nerus, YB Sungai Besar dan YB Batu Pahat, sebanyak **57 projek pengawalan hakisan pantai dan muara sungai telah diluluskan**. Daripada jumlah ini, **11 projek baharu dan 46 projek sambungan dengan kos keseluruhan sebanyak RM3.61 bilion**. Skop pelaksanaan meliputi pembinaan pemecah ombak, ban pantai, pengerukan muara sungai dan penyuburan pasir pantai (*beach nourishment*) bagi melindungi kawasan pesisir daripada hakisan serta menjamin keselamatan komuniti nelayan dan kawasan perumahan.

Pendekatan Struktur – Jangka Pendek

18. Bagi menangani permasalahan segera sistem saliran dan struktur sungai yang tidak berfungsi dengan baik seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk YB Tenom, **Kementerian melalui JPS sedang melaksanakan Projek Pemuliharaan Sungai bagi Mengurangkan Risiko Banjir di seluruh negara**.

19. Bagi tujuan ini, sebanyak **RM602 juta diperuntukkan bagi tempoh 2026 hingga 2030**, melibatkan skop kerja seperti pengaluran sungai, penstabilan tebing, pembaikan saluran perparitan utama serta menaik taraf struktur kawalan banjir. Pendekatan ini bersifat cekap kos (*cost-efficient*) dan memberi impak segera kepada kawasan-kawasan yang kerap mengalami banjir kilat.

20. Sebagai makluman semua Ahli Yang Berhormat, tindakan yang diambil oleh JPS bagi mengurangkan risiko banjir sebagai persediaan banjir Monsun Timur Laut tahun ini, peruntukan berjumlah RM124.95 juta telah disalurkan ke seluruh negeri.

Pendekatan Bukan Struktur

21. Melalui pendekatan bukan struktur pula, antara inisiatif utama ialah pembangunan Pelan Induk Tebatan Banjir (PITB) bagi membantu merangka strategi pelaksanaan pembangunan secara holistik dan berasaskan risiko. Sehingga 2025, sebanyak 56 pelan induk telah disiapkan dan 3 lagi dalam pelaksanaan. Bagi *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-13, 3 pelan baharu telah diluluskan pelaksanaannya. PITB ini akan terus dikemaskini selaras dengan perubahan guna tanah, trend hujan ekstrem dan impak perubahan iklim.

22. Di samping itu, Kementerian melalui JPS turut membangunkan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang berperanan sebagai dokumen rujukan utama dalam perancangan pembangunan lestari. PISMA menilai isu sistem saliran sedia ada termasuk kualiti air, kapasiti saliran, dan integrasi dengan sistem bandar. Sehingga 2025, 35 kajian PISMA telah disiapkan di seluruh negara, 10 sedang dilaksanakan dan 5 di peringkat perancangan. Bagi RP1, RMKe-13, sebanyak 6 kajian baharu PISMA telah diluluskan. Pelaksanaan PISMA membantu memastikan pembangunan baharu tidak meningkatkan risiko banjir di kawasan berimpak tinggi.

23. Sebagai langkah untuk memastikan kelestarian sungai sebagai sumber air, Kementerian turut melaksanakan 61 kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management* – IRBM). IRBM merupakan pendekatan bersepadu, rentas sektor dan berpaksikan tadbir urus air yang mampan, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Sehingga kini, 41 kajian telah disiapkan dan baki akan diselesaikan menjelang tahun 2030.

Tanggungjawab Penyelenggaraan Sistem Saliran

24. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggungjawab penyelenggaraan sistem saliran dikongsi antara beberapa agensi utama, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah.

25. Berdasarkan **keputusan Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996**, JPS diberi tanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyenggara semua sungai termasuk sungai di kawasan PBT. Manakala PBT diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan masing-masing. Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga menyatakan, PBT hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air.

26. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi Monsun Timur Laut, JPS telah mengambil tindakan menyelenggara, mendalamkan dan membersihkan saliran, sungai serta kolam takungan banjir. JPS bertanggungjawab memastikan semua infrastruktur berkaitan termasuk aset sokongan dapat **berfungsi secara optimum dalam mengurangkan risiko dan impak banjir** serta menyokong keselamatan komuniti setempat.

ISU KEDUA - BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN

Tuan Yang di-Pertua,

27. 10 orang Ahli Yang Berhormat termasuk YB Sandakan, YB Padang Besar, YB Beluran, YB Kalabakan, YB Kuala Krai, YB Beaufort, YB Wangsa Maju, YB Padang Rengas, YB Gombak dan YB Gopeng telah mengutarakan isu berkaitan bekalan air, projek Loji Rawatan Air (LRA), kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW), penggantian paip dan projek pembetulan di kawasan Parlimen masing-masing.

Program Pengurangan Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan

28. Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab untuk mengurangkan kadar NRW adalah di bawah operator air di negeri masing-masing, sama ada melalui peruntukan CAPEX dan OPEX operator air atau pun melalui pembiayaan daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Persekutuan melalui PETRA telah melaksanakan Program Pengurangan NRW Nasional bermula pada tahun 2018 dan diteruskan di bawah RMKe-12. Dalam RMKe-13, PETRA akan melaksanakan Penambahbaikan Program NRW Kebangsaan seperti berikut: -

- i) Pendekatan 1 Fasa 2 dengan kos sebanyak RM2.525 bilion meliputi Program Penggantian Paip Kritikal di Seluruh Negara dan Penyelesaian NRW Holistik di Negeri-Negeri di bawah Pendekatan 1 sedia ada (kecuali negeri Kedah yang berada di bawah Pendekatan 2). Penyelesaian NRW secara holistik merangkumi antara lainnya pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) dan *Pressure Management Area* (PMA) serta pelaksanaan *Active Leakage Control* (ALC) (melibatkan negeri Pahang, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan WP Labuan); dan
- ii) Di bawah Program NRW Kebangsaan Pendekatan 2, operator air di negeri-negeri dengan NRW kurang daripada 40% boleh menuntut imbuhan balik sebanyak 50% daripada kos bagi kerja-kerja NRW yang dilaksanakan, sekiranya sasaran yang ditetapkan dicapai dan 75% sekiranya berjaya menggandakan pencapaian. Selain itu, pembayaran imbuhan balik secara kadar prorata telah diperkenalkan untuk mengatasi risiko kepada operator air yang tidak dapat membuat tuntutan jika sasaran yang ditetapkan tidak dicapai.

ISU KETIGA - BEKALAN ELEKTRIK

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen Negara di bawah NETR

29. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau *National Energy Transition Roadmap*, dengan izin - NETR menunjukkan komitmen Negara untuk mencapai sasaran 70% kapasiti penjanaan elektrik daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB) menjelang tahun 2050, dipacu pemain industri dengan Dana Peralihan Tenaga Negara berjumlah RM150 juta.

Kepengerusian Malaysia di AMEM ke-43 Membawa Kerjasama Tenaga ASEAN ke Tahap Lebih Tinggi

30. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sebelum diadakan ASEAN Summit ke-47 yang berakhir semalam, Malaysia telah terlebih dahulu mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) ke-43 pada 16-17 Oktober 2025 lalu. Antara pencapaian utama di bawah kepengerusian Malaysia bagi AMEM ke-43 ini adalah seperti berikut: -

- i) Perakuan ke atas Pelan Tindakan bagi Kerjasama Tenaga ASEAN (*ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation - APAEC*) 2026–2030;

- ii) Persetujuan ke atas Memorandum Persefahaman (MoU) Dipertingkat bagi Grid Kuasa ASEAN (*ASEAN Power Grid - APG*);
- iii) Perakuan ke atas Perjanjian Rangka Kerja Keselamatan Petroleum ASEAN (*ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security - APSA*):
- iv) Peluncuran Inisiatif Pembiayaan Grid Kuasa ASEAN (*ASEAN Power Grid Financing Initiative - APGF*) yang diterajui oleh Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank - ADB*) dan Bank Dunia (*World Bank*);
- v) Perakuan ke atas Pelan Hala Tuju Jangka Panjang Tenaga Boleh Baharu ASEAN;
- vi) Pembangunan Rangka Kerja Sijil Tenaga Boleh Baharu (REC) bagi ASEAN;
- vii) Pembangunan Rangka Kerja Pembangunan Loji Kuasa Nuklear untuk ASEAN;
- viii) Memuktamadkan Terma Rujukan bagi Kabel Elektrik Dasar Laut;
- ix) Peluncuran Pangkalan Data Kecekapan Tenaga ASEAN dan Platform Pelaburan; dan
- x) Penubuhan *ASEAN School of Regulation (ASR)* yang akan diterajui oleh Malaysia

31. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan APG adalah merupakan satu inisiatif yang amat penting bagi rantau ASEAN. Melalui inisiatif ini, keselamatan bekalan Malaysia dan negara serantau dapat dipertingkatkan. Sebagai contoh, semasa Mesyuarat AMEM ke-43 berlangsung, terdapat gangguan bekalan elektrik berlaku pada 15 Oktober 2025. Atas semangat kerjasama serantau ASEAN, Singapura telah membantu Malaysia dengan mengeksport bekalan elektrik sebanyak 500MW dan dari Thailand sebanyak 300MW bagi menyokong sistem bekalan Malaysia pada waktu kritikal tersebut. Ini adalah bukti bahawa APG adalah penting bagi rantau ini.

32. Selaras dengan kepengerusian ASEAN yang bertemakan *Powering ASEAN: Bridging Boundaries and Building Prosperity*, Malaysia telah mengetengahkan perancangan projek-projek di bawah APG seperti Projek Vietnam–Malaysia–Singapura yang akan menyalurkan tenaga boleh baharu dari Selatan Vietnam ke Malaysia dan Singapura dengan kerjasama TNB dan PETRONAS.

Memperkukuh Bekalan Elektrik Sabah dan Labuan

33. Seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berkaitan bekalan elektrik Sabah, iaitu

Yang Berhormat Sandakan, Kudat, Beluran, Kalabakan, Kota Belud, Beaufort dan Tawau.

34. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024, segala perancangan untuk pelan pembangunan penjanaan elektrik, perolehan, pemantauan dan penyeliaan projek serta penyelesaian isu-isu dan masalah berkaitan pembekalan elektrik di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya. Kerajaan Negeri Sabah juga telah menubuhkan Majlis Tenaga Sabah yang berperanan untuk merancang dan membangunkan projek-projek infrastruktur bekalan elektrik Sabah yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS).

35. Walau bagaimanapun, melalui pakej penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan komited untuk terus menyalurkan subsidi bekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah sehingga tahun 2030. Jumlah siling indikatif subsidi daripada Kerajaan Persekutuan kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (Sabah Electricity) bagi tahun 2024 hingga 2030 yang merangkumi subsidi bahan api, subsidi solar berskala besar, subsidi sokongan tarif dan subsidi Tenaga Boleh Baharu (FiT)

adalah sebanyak RM3.54 billion. Jumlah ini adalah berdasarkan analisis yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) sekiranya Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan pelarasan tarif elektrik dalam tempoh tersebut. Subsidi ini perlu dimohon oleh Sabah Electricity melalui Kerajaan Negeri Sabah dan tertakluk kepada rundingan, pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan.

36. Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mengkaji dan mempertimbang cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk mendapatkan permohonan peruntukan pembangunan infrastruktur elektrik Sabah berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Sebagai contoh, untuk kelangsungan bekalan elektrik jangka panjang, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah menyediakan pembiayaan RM765 juta bagi Projek Talian Penghantaran Southern Link dan projek-projek lain bagi meningkatkan kestabilan elektrik terutama di Pantai Timur Sabah telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan secara pinjaman mudah.

37. Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dan menyokong agenda pembangunan penjanaan elektrik di negeri Sabah agar rakyat dapat manfaatnya serta sistem pembekalan elektrik menjadi lebih stabil dan terjamin.

Keterjaminan Pembekalan Elektrik di Semenanjung

38. Dalam memastikan keterjaminan bekalan tenaga negara untuk jangka panjang, Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju agar tenaga nuklear menjadi sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik negara. Dengan loji jana kuasa arang batu terakhir dijangka tamat beroperasi pada tahun 2044, sumber tenaga asas atau *base load* di Semenanjung akan banyak bergantung kepada bahan api gas asli dan hidro.

39. Namun, kedua-dua sumber ini mempunyai kekangannya tersendiri. Rizab gas asli semakin berkurangan dan harga di pasaran global sukar dijangka, manakala potensi tenaga hidro pula terhad dari segi geografi dan turut terkesan oleh fenomena perubahan iklim. Ini bermakna, dalam tempoh dua dekad akan datang, Malaysia perlu mencari sumber bahan api asas baharu yang stabil, mampan dan berdaya saing bagi memastikan sistem tenaga lebih kukuh dan terjamin.

40. Dari perspektif ekonomi, walaupun pembangunan loji janakuasa nuklear memerlukan kos permulaan atau modal yang tinggi, namun kos penjanaan elektrik jangka panjang atau *Levelized Cost of Electricity* (LCOE) adalah didapati kompetitif dengan jangka hayat operasi yang panjang menjangkau

tempoh 40 sehingga 60 tahun. Kos bahan api nuklear juga lebih stabil dan rendah dalam tempoh jangka panjang serta membolehkan pulangan yang konsisten dan mampan kepada sistem bekalan tenaga negara. Dalam konteks peralihan tenaga, teknologi nuklear juga menawarkan kos operasi yang boleh diramal, pelepasan karbon yang rendah serta menyokong kestabilan grid nasional.

41. Sebarang keputusan Kerajaan berhubung pembinaan loji janakuasa nuklear ini hanya akan dibuat setelah semua prasyarat keselamatan, regulatori, teknikal, dasar, ekonomi dan sosial dipenuhi sepenuhnya bagi menjamin kepentingan dan keselamatan negara.

ISU KEEMPAT - TENAGA LESTARI

Tuan Yang di-Pertua,

42. Kerajaan komited dengan sasaran 70% kapasiti penjanaan elektrik daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB) menjelang tahun 2050. Pelbagai bentuk insentif dan inisiatif telah dilaksanakan dan sedang dirancang oleh Kerajaan bagi membolehkan industri TBB menjadi lebih menarik kepada pengguna.

43. Sebagai contoh, Kerajaan akan melancarkan Program Solar Berskala Besar (LSS 6) pada awal tahun 2026. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, program LSS 6 ini adalah kesinambungan kepada LSS 5 & 5+ yang telah menyumbang sebanyak 3.9 gigawatt dengan jumlah pelaburan RM12 billion dan turut menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 23,400.

44. Selain itu, Kerajaan juga akan memperkenalkan kuota tambahan 300 megawatt bagi biogas, biojisim dan hidro kecil diperkenal di bawah Feed-In Tariff (FiT), dijangka beroperasi seawal tahun 2028 manakala Skim Corporate Renewable Energy Scheme atau CRESS pula dijangka akan dilaksanakan dengan kapasiti penjanaan 500 megawatt.

45. Selanjutnya, saya ingin terus ke perkara-perkara yang telah diutarakan oleh empat (4) Ahli Yang Berhormat bagi perkara-perkara berkaitan Tenaga Lestari iaitu YB Paya Besar, YB Puchong, YB Petaling Jaya dan YB Kuala Nerus.

46. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Paya Besar, bagi meningkatkan peluang pengusaha anak tempatan untuk bersaing serta terlibat dengan projek-projek solar, Kerajaan telah menetapkan keperluan untuk melantik syarikat kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB Malaysia untuk

menjalankan kerja-kerja kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC).

47. Selain itu, syarikat/konsortium pembida juga digalakkan untuk melantik syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan pihak CIDB Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja EPCC termasuk syarikat bumiputera. Selain itu, syarikat anak-anak tempatan boleh juga mendaftar menjadi *Registered Photovoltaic Solar Provider* (RPVSP) dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari.

48. Langkah ini dijangka akan membuka ruang kepada syarikat-syarikat PKS tempatan dan Bumiputera menceburi bidang pembangunan projek tenaga boleh baharu, dengan membangunkan keupayaan mereka untuk jangka masa panjang berkecimpung sebagai syarikat-syarikat yang berjaya sama ada sebagai kontraktor EPCC atau sebagai pemaju projek solar.

49. Ahli Yang Berhormat Puchong dan Petaling Jaya telah membangkitkan isu berkenaan dengan skim Solar ATAP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui skim Solar ATAP, pengguna boleh menjana tenaga sendiri dan menjual lebihan tenaga kepada utiliti. Dalam hal ini, perincian skim ini hanya akan dimuktamadkan pada bulan Disember 2025. Skim ini

akan melibatkan semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia.

50. Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan isu berkenaan insentif bagi projek Hidrogen di Tasik Kenyir. Kementerian ini mengambil maklum akan projek Solar Terapung Tasik Kenyir Fasa 1 dengan kapasiti 640MW. Dalam hal ini, projek yang dimaksudkan oleh YB Kuala Nerus adalah diusahakan oleh pihak swasta secara *Business-to-Business* di mana pemaju akan mencari dan mendapatkan pembeli hidrogen yang dihasilkan di tasik ini.

51. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Nerus, sebarang bentuk insentif daripada belanjawan berhubung inisiatif hidrogen hijau bolehlah dipanjangkan kepada Kementerian untuk pertimbangan Kerajaan.

ISU KELIMA - JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN HAL EHWAL SABAH SARAWAK (BHESS)

Tuan Yang di-Pertua,

52. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Batang Sadong,

Yang Berhormat Batang Lupa dan Yang Berhormat Sipitang yang telah membangkitkan mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Secara umumnya, perkara yang dibangkitkan oleh keempat-empat Ahli Yang Berhormat adalah menyentuh mengenai komitmen Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan perkara-perkara di bawah MA63.

53. Bagi pertanyaan spesifik antaranya mengenai Pemberian Khas kepada negeri Sabah dan Kajian Semula Pemberian Khas seperti yang termaktub dalam Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan, pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di Dewan Rakyat dan kuasa mengenai pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat lain, ia akan dijawab oleh Kementerian atau Jabatan yang berkaitan.

54. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan MADANI kekal komited dalam meneruskan perundingan mengenai perkara-perkara di bawah MA63 yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.

55. MA63 merupakan sebuah dokumen yang ditandatangani oleh pihak-pihak “United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland, Persekutuan- Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura”. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 dan masih sah sehingga ke hari ini.

56. Kerajaan MADANI telah menambah baik platform rundingan rasmi MA63 dengan menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 yang dipengerusikan oleh saya sendiri.

57. Sehingga kini, sebanyak 13 daripada 29 perkara di bawah MA63 yang dibincangkan di bawah platform rundingan rasmi MA63 telah dapat diselesaikan yang mana 9 daripadanya telah dimuktamadkan semasa pentadbiran Kerajaan MADANI manakala baki 4 perkara di bawah MA63 telah mencapai persetujuan di bawah Kerajaan Persekutuan terdahulu.

58. Antara perkara di bawah MA63 yang telah diselesaikan di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI adalah seperti yang berikut:

- i) Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan

Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182). Sebagai tambahan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan juga telah bersetuju untuk mengiktiraf Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah sebagai Jabatan Teknik di bawah AP182;

- ii) Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap LHDN;
- iii) Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- iv) Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

59. Bagi baki perkara di bawah MA63 yang masih dalam perbincangan dan belum diselesaikan, ia akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri selaku Sekretariat kepada MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

60. Tempoh masa bagi penyelesaian setiap perkara adalah tertakluk kepada proses perundangan yang berkaitan. Selain itu, tahap kesediaan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dari sudut operasi, sumber manusia dan kewangan juga merupakan antara aspek yang perlu diambil kira sebelum suatu perkara di bawah MA63 dapat diselesaikan.

61. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi memberi penerangan dan meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai MA63, Kerajaan MADANI melalui pelbagai agensi termasuk Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan antaranya melalui penganjuran Program MADANI Rakyat, program libat urus bersama pelajar Institusi Pengajian Tinggi, sesi turun padang bersama penjawat awam dan penggunaan teknologi maklumat seperti media sosial termasuk penganjuran sesi webinar yang menjemput penceramah dari kalangan pakar MA63.

62. Kerajaan MADANI amat beriltizam untuk menyegerakan penyelesaian semua perkara di bawah MA63. Hubungan harmoni antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah kunci utama ke arah memastikan MA63 ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua,

63. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta menyumbangkan pandangan, cadangan dan teguran yang membina. Insya-Allah, dengan semangat kerjasama dan tanggungjawab bersama, kita akan terus berusaha memberikan khidmat yang terbaik dalam menangani segala isu yang dibangkitkan. Apa yang lebih utama, kita bersama-sama mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, negeri, dan negara tercinta.

Terima kasih.